



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE 76 BIL 2/2023**

**PINDAAN TARIKH KURSUS MODULAR BAGI PELAJAR DIPLOMA DAN IJAZAH
SARJANA MUDA / DUAL IJAZAH SARJANA MUDA FASA DUA**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Merujuk kepada pemakluman ini, pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran program modul berkredit telah dilaksanakan melalui kaedah pembelajaran secara atas talian atau pembelajaran fizikal bagi semester I 2022/2023 bermula 12 November 2022.

Sehubungan dengan itu, memandangkan tarikh perayaan Tahun Baharu Cina akan jatuh pada 22hb Januari 2023, Ahad maka kelas modul yang akan diadakan pada Sabtu, 21hb Januari 2023 dipinda pada tarikh 15hb Januari 2023, Ahad. Oleh yang demikian, mohon semua Tutor Sambilan untuk mengemaskini pemakluman melalui sistem ILMU dan pihak Akademi Adab akan membuat pemakluman rasmi kepada pelajar melalui medium rasmi e-community, sistem ILMU dan media sosial.

Kehadiran adalah **WAJIB** bagi pelajar pada setiap modul yang telah didaftarkan. Sekiranya pelajar **TIDAK** menghadiri modul yang telah didaftarkan, keputusan **GAGAL** bagi modul tersebut akan dikeluarkan dan keputusan adalah **MUKTAMAD**. Ini akan memberi implikasi kepada gred kursus ko-kurikulum berkredit.

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 09-4315471/6003/6008/6371 atau melalui email adab@ump.edu.my

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Pengarah
Akademi Adab
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
11 Januari 2023**